

Praktis PT3 Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Sudah tiga kali sekolah saya _____ pertandingan bahas pada peringkat daerah.
A memperoleh C menakluki
B menggondol D memenangi
2. Bola yang disepak oleh adik Aqmal _____ lalu terjatuh ke dalam kolam.
A berpusing C bergolek
B berjalan D berlegar
3. Nisha sering _____ untuk mengacara majlis rasmi dan majlis makan malam syarikat-syarikat korporat.
A diundang C dibuat
B dicapai D dipamer
4. Abang Iqram suka membaca majalah yang _____ dengan bidang sains dan teknologi.
A bertalian C bersambung
B berkaitan D bercampur
5. Dalam sidang media itu, Pengarah Pendidikan negeri Pahang telah _____ keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi tahun ini.
A menghebohkan C menjelaskan
B mengumumkan D menerangkan
6. Amirul memandu kereta ke rumah Alif di Gombak _____ alamat yang diberikan oleh kawannya itu.
A berteraskan C berasaskan
B berpandukan D bersandarkan

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. "Kamu perlu cari jalan untuk mengatasi masalah ini," kata ayah kepada abang.

2. Puan Lim membawa ibunya bersiar-siar di taman untuk tenangkan hati ibunya itu.

3. Ayah dan ibu sering menasihatkan Aqmal supaya belajar dengan bersungguh-sungguh.

4. Nasi lemak yang dijerang oleh ibu tadi belum masak lagi.

5. Sekembalinya dari kebun, Pak Cik Senan berehat di ruang tamu sambil memanjangkan kakinya.

6. Pokok tembikai susu yang ditanam oleh ayah menyusur ke luar pagar.
